


RotoView[®]
By INNOVENTIONS, Inc.



Aplikasi iPhone Baru dan Percuma Mempamerkan Navigasi Paparan yang Inovatif

HOUSTON, 6 Jan/PRNewswire-AsiaNet/ --

INNOVENTIONS, Inc. telah melancarkan aplikasi iPhone baru dan percuma yang mempamerkan sistem navigasi paparan "sendeng dan skrol" RotoView (R) untuk telefon pintar. RotoView menyediakan navigasi satu tangan, yang membolehkan para pengguna menyendengkan alat tersebut kiri-kanan atau atas-bawah bagi melihat paparan yang menjangkau sempadan maya. RotoView melengkapinya dengan fungsi berbilang-sentuh, terutamanya apabila pengguna tidak dapat menggunakan kedua-dua belah tangan.

Dipetik oleh majalah dalam talian Brighthand.com sebagai salah satu daripada sembilan teknologi "yang berupaya mengubah peralatan bimbbit," RotoView boleh digabungkan dalam barisan alat mudah alih yang luas, termasuklah telefon pintar, pemain media, peranti GPS, pembaca e-book, kamera dan komputer buku.

"Aplikasi baru ini menunjukkan bahawa menyepadukan teknologi RotoView ke dalam telefon pintar hanya memerlukan perisian proprietari kami, kerana telefon pintar mempunyai akselerometer terbina di dalamnya," kata Dr. David Feinstein, presiden INNOVENTIONS. "RotoView saling melengkapinya dengan fungsi berbilang-sentuh iPhone, walaupun ia boleh menjalankan kesemua tugas navigasi paparan sendiri."

Dibangunkan sejak akhir 1990-an, INNOVENTIONS diberikan Paten AS 6,466,198 dan 6,933,923, diikuti dengan paten Eropah EP1,290,672. INNOVENTIONS kini sedang mengeport RotoView Technology ke platform telefon pintar yang lain, termasuklah Android dari Google.

"Matlamat kami adalah untuk menyepadukan RotoView dalam teras kesemua sistem operasi mudah alih. Ini akan memberikan keupayaan navigasi paparan satu tangan kepada setiap laman web, foto, peta atau paparan data lain yang boleh diskrol," tambah Dr. Feinstein. "Kami sedang mencari pembuat telefon pintar dan peralatan media peribadi yang lain untuk dijadikan rakan niaga kami bagi mencapai matlamat ini."

Aplikasi RotoView percuma ini boleh didapati di App Store. Para pengguna boleh melayari foto-fotonya bagi melihat sekali imbas akan teknologi baru ini, manakala pemrogram, jurutera produk dan rakan niaga prospektif boleh juga menggunakan aplikasi ini bagi menilai teknologi RotoView secara mendalam.

Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman sesawang RotoView
<http://www.rotoview.com>.

Mengenai INNOVENTIONS

INNOVENTIONS, Inc., sebuah syarikat persendirian berpangkalan di Houston yang ditubuhkan pada 1984, telah berjaya merintis beberapa peralatan elektronik untuk industri komputer, termasuklah penguji memori mudah alih RAMCHECK yang meneraju industri.

iPhone adalah tanda dagang Apple Inc. App Store adalah tanda perkhidmatan Apple Inc. RotoView dan INNOVENTIONS adalah tanda dagang yang berdaftar INNOVENTIONS, Inc.

SUMBER: INNOVENTIONS, Inc.

HUBUNGI: Scott LaRoche,
Pengarah Jualan INNOVENTIONS, Inc.,
+1-281-879-6226,
scott@innoventions.com